



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SISTEM PENYURAIAN TRAFIK YANG BAHARU BERJAYA MENGATASI KESESAKAN JALAN RAYA DI PEKAN TAPAH

TAPAH, PERAK - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah meninjau sistem penyuraian trafik yang baharu dilaksanakan sekitar Pekan Taph, Daerah Batang Padang, Perak.

2. Kesesakan lalu lintas kerap berlaku di Pekan Taph ini pada hari biasa dan pada waktu cuti persekolahan dan musim perayaan. Perkara ini pernah dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning dan ADUN Chenderiang.

3. Pada November 2023, YB Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, telah melawat Pekan Taph dan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak serta JKR Daerah Batang Padang untuk merancang pelan penyuraian trafik di Pekan Taph.

4. Beberapa siri perbincangan telah dibuat diantara JKR Perak, Pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan, Ahli Parlimen dan ADUN kawasan terlibat. Hasil perbincangan, JKR Daerah Batang Padang telah mencadangkan untuk pelaksanaan sistem jalan sehalu yang melibatkan Jalan Persekutuan, FT 001 (Seksyen 539-540) dan Jalan Majlis.

5. Pada 23 Ogos 2024 (Jumaat) sistem jalan sehalu ini telah dilaksanakan sepenuhnya di Pekan Taph. Sebanyak dua lampu isyarat di Pekan Taph telah ditutup bagi melancarkan aliran trafik. Dalam tempoh ujian sistem jalan sehalu ini, kesesakan trafik di Pekan Taph telah berjaya diminimakan dan lalu lintas kenderaan berjalan lancar.

6. Bagi melancarkan lagi aliran trafik, beberapa penambahbaikan sedang dilaksanakan oleh Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya (KKR), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan JKR, Cawangan Jalan JKR dan JKR Negeri Perak.

7. Fokus yang berterusan bukan sahaja terhadap infrastruktur jalan raya tetapi juga pengurusan dan penyenggaraannya merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan melalui Program MYJalan KKR dalam membina, menyediakan, mengurus dan menyenggara infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani. Maklum balas dan aduan dari pengguna jalan raya merupakan pemangkin kepada pengurusan dan penyenggaraan infrastruktur jalan raya negara. Jalan Kita Tanggung Jawab Kita Bersama.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 OKTOBER 2024